

31/07/1999

Penggunaan bahasa Melayu di RTM tidak mantap

Abd Rahman Che Mat

PENGGIAT bahasa Melayu tidak pernah selesai membincangkan isu bahasa Melayu. Sebelum kemerdekaan, perbincangan tertumpu kepada isu hendak mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Ia turut melibatkan tokoh politik termasuk Datuk Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri sekarang. Apabila bahasa Melayu diletakkan pada takhtanya sebagai bahasa rasmi negara, berjalan pula gerakan kempen besar-besaran untuk menyemarakkan penggunaannya.

Selepas itu ada surat dikembalikan kepada pengirimnya kerana tidak menggunakan bahasa rasmi. Dasar Pendidikan Negara pula digubal bagi menempatkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar tunggal di sekolah dan institut pengajian tinggi.

Ia kelihatan berjaya. Kedudukan bahasa Melayu sudah berada pada tempatnya. Nilai ekonominya diiktiraf pemerintah. Tetapi penggiat bahasa Melayu masih bersuara yang kadangkala kedengaran seperti kesal dan marah kepada pengguna bahasa Melayu. Sehubungan itu, ada pula suara yang merungut dan bertanya: "Apa jadi dengan orang-orang bahasa ini?"

Tulisan ini bertujuan menjawab rungutan itu. Jawapannya ialah -orang bahasa melihat pengguna bahasa Melayu kini tidak berhati-hati menggunakan bahasa Melayu sehingga wujud banyak kesalahan bahasa.

Ia sering terjadi pada perbualan lisan dan pada media massa. Kesilapan juga dilakukan oleh juruacara, pengerusi, penemu bual, sidang akhbar pembesar, malah di mana-mana juga. Mengapa? Sedangkan, proses pembelajaran bahasa Melayu di sekolah amat baik, tersusun. Pembentukan dan penggunaan ayat diajar dengan cermat supaya tepat dan betul.

Tetapi mengapa penggunaannya masih tidak mantap. Inilah yang dicari oleh orang bahasa. Perjuangan sekarang ialah perjuangan memantapkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa moden yang boleh mendukung pelbagai ilmu dan akhirnya menjadi bahasa komunikasi dinamik. Kelihatan ada kecenderungan semacam sengaja melakukan kesalahan bahasa mungkin untuk memperlihatkan bahasa Melayu tidak mantap. Kesalahan yang dimaksudkan itu pelbagai, ada kesalahan penggunaan kata, pembentukan ayat daripada sintaksis Inggeris dan sebagainya.

Fokus saya kali ini kepada RTM, khususnya TV1. Agensi kerajaan di bawah Kementerian Penerangan yang secara langsung berdepan dan berkomunikasi dengan rakyat. Usia RTM sudah lebih separuh abad. Memandang pada usianya, tentu orang tidak percaya bahawa RTM khususnya TV1 dalam tugasnya berhadapan dengan rakyat masih banyak melakukan kesalahan bahasa melalui juruacara, penerbit rancangan, penemubual atau warta beritanya.

Antara kesalahan yang ketara ialah memasukkan pengaruh sintaksis bahasa Inggeris dalam penggunaan bahasa Melayu. Ia seperti menggunakan kata di mana, yang mana dan bila mana pada tempat yang bukan untuk kata-kata itu. (Keterangan lanjut mengenai kata berkenaan rujuk Berita Harian 6 April 1999).

Selain, itu ada pula ayat yang dibina mengikut sintaksis Inggeris secara mutlak. Ia biasanya ada dalam siaran warta berita. Contoh, Pencuri yang memecah masuk rumah seorang kontraktor berjaya diberkas. Dalam sistem pembinaan ayat bahasa Melayu ada subjek dan predikatnya. Cuba lihat tiga perkataan memecah masuk rumah. Ia jelas dibina berdasarkan sintaksis Inggeris. Ayat bahasa Melayu mesti ada benda yang kena kalau ayat itu menggunakan kata kerja aktif. Dalam ayat di atas pencuri memecah sesuatu sebelum masuk ke dalam rumah. Lalu pencuri itu pecah apa? Pecah tingkap?

Pecah pintu? Pecah dinding? Ini mungkin ayat berita dibina begitu bagi mengejar waktu. Itu barangkali alasannya. Tetapi yang kita lihat ayat itu dibina seperti ayat terjemahan. Ertinya berita ditulis dalam bahasa Inggeris kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Kalau begitu halnya kita bertanya, mengapa? Pada hal lebih senang ditulis, Pencuri yang mencero boh rumah seorang kontraktor berjaya ditangkap. Apabila menggunakan kata mencero boh, pembaca faham pencuri itu masuk ke dalam rumah dengan apa cara sekali pun untuk mencuri.

Ada beberapa contoh lain seperti Faisal menendang masuk bola. Sebenarnya yang Faisal tendang, bukan masuk tetapi bola. Contoh lain, Polis menembak mati perompak. Sebenarnya yang polis tembak bukan mati tapi perompak.

Ada pula yang menggunakan kata membawa maksud banyak atau lebih daripada satu dengan mengulang-ngulang. Contoh, banyak hadiah-hadiah disediakan..... Apabila disebut banyak, ia bermaksud lebih daripada satu. Maka kata hadiah tidak perlu diulang. Kalau pemakaian di atas kita halalkan nanti ada ayat seperti, Saya ada dua batang pen-pen atau Lebai Mat ada empat isteri-isteri-isteri-isteri. Bukankah kacau jadinya. Sudahlah kata mereka kadang-kadang digunakan mereka-mereka. Saya tidak percaya penggunaanya tidak tahu itu salah. Tetapi oleh kerana biasa menggunakannya, ketua jabatan tidak tegur, tidak ada kajian, maka ia berterusan.

Kita harus ingat penonton TV terdiri daripada lapisan masyarakat yang pelbagai. Ada kanak-kanak, remaja dan orang asing yang baru belajar bahasa Melayu. Mereka akan terpengaruh dengan bahasa itu yang didengar secara langsung. Dalam perkembangan agensi kerajaan Malaysia itu, saya rasa sudah banyak kursus diadakan. Antaranya kursus motivasi, kepemimpinan, bina insan dan bina semangat. Saya ingin bertanya RTM dalam usianya menjangkau 53 tahun pernahkah diadakan kursus pemantapan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pegawainya khusus pegawai yang terbabit dalam penerbitan dan penyiaran, seperti penyuting dan pengarang berita, pemberita, juruacara, penerbit rancangan, penemu soal dan pegawai perhubungan awam?

Kalau ada dan pernah diadakan menagapa masih berlaku kesalahan bahasa di RTM khususnya TV1. Kalau tidak ada, maka amat malang bagi agensi kerajaan itu dan ia harus diberikan perhatian serius oleh Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakub.

Bagi saya kursus pemantapan penggunaan bahasa penting bagi pegawai yang saya sebut di atas. Ia tidak begitu sukar untuk diadakan kerana Dewan Bahasa dan Pustaka bersedia untuk tujuan itu bila-bila masa sahaja.

Soal kedua ialah penggunaan bahan rujukan bagi mengukuh dan memantapkan penggunaan bahasa. Melihat kepada kesalahan bahasa di RTM dan TV1 pegawai berkenaan tidak menggunakan bahan rujukan dalam tugas mereka. Ada dua buku yang sangat senang dihayati bagi memantapkan penggunaan bahasa iaitu Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa oleh Awang Sariyan serta Beberapa Persoalan Penggunaan Bahasa Melayu dan Penyelesaiannya oleh S Nathesan.

Ada juga masa tertentu atau untuk rancangan tertentu, RTM atau TV1 menggunakan orang luar secara sambilan bagi mengendalikan rancangannya. Maka elok ditapis dengan teliti, periksa bahasanya, jangan apabila boleh bercakap di depan kaca TV saja terus diberikan peluang. Akibatnya bahasa Melayu yang keluar daripada mulut pengacara berkenaan hancur.

Tidak dapat dinafikan RTM dan TV1 berpengaruh di kalangan pendengar dan penonton. Salah satu pengaruhnya ialah bahasa Melayu yang digunakan. RTM dan TV1 harus bertanggungjawab memantapkan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pegawainya supaya pengaruh penggunaan yang mantap itu diterima pendengar dan penonton.

Yang kurik itu kundi

Yang merah itu saga

Yang baik itu budi

Yang indah itu bahasa.

(END)